



# Konsert Jelajah

# PICK UP THE PIECES

# Akademi Seni Kebangsaan

Dengan kerjasama  
Pejabat Kebudayaan & Kesenian Negeri-negeri





# Konsert Jelajah

# PICK UP THE PIECES

15 Februari 2003  
Taman Budaya Negeri Pahang

10 Mei 2003  
Taman Budaya Negeri Terengganu

5 Julai 2003  
Taman Budaya Negeri Kedah

2 Ogos 2003  
Taman Budaya Negeri Perak

16 Ogos 2003  
Seremban, Negeri Sembilan

18 Oktober 2003  
Dewan Budaya, Universiti Sains Malaysia

## Konsert Jelajah Pick Up The Pieces

Konsert Jelajah Pick Up The Pieces adalah persembahan muzik oleh tenaga pengajar bersama pelajar-pelajar Akademi Seni Kebangsaan. Repertori persembahan merangkumi muzik klasik, jazz, tradisional eksperimental dan kontemporari.

### Objektif

- Memberi peluang dan ruang kepada pensyarah & pelajar Program Muzik Akademi Seni Kebangsaan untuk menunjukkan bakat mereka.
- Menyuntik semangat bekerjasama di antara pensyarah dan pelajar Program Muzik.
- Sebagai satu proses pembelajaran ke arah perediaan sesebuah persembahan.

2

### ROSDAN ABBAS



Berkelulusan dari Berklee College of Music, Boston. Berpengalaman mengajar di Lexington High School Boston selama 1 tahun. Pernah mengajar di International College of Music selama 3 tahun sekembali dari Amerika Syarikat. Berpengalaman mengadakan persembahan berkumpulan dan solo di Amerika Syarikat dan Malaysia. Sekarang beliau bertugas sebagai pensyarah di Akademi Seni Kebangsaan bagi kursus Latihan Pendengaran dan Teknik Improvisasi.

### HAMDAN ADNAN



Hamdan Adnan lulus bidang pendidikan muzik di California State University, Amerika Syarikat. Ahli muzik utama beliau adalah Klarinet. Beliau merupakan ahli muzik di California State University Whi Ensemble dan pernah mewakili Amerika Syarikat dalam Konvensyen Kedua "World Association Symphonic Band and Ensemble" di Belgium. Pernah mengajar muzik di Garden International School dan UiTM. Sekarang berkecimpung dalam bidang Teknologi Muzik di samping menjadi pensyarah di Akademi Seni Kebangsaan bagi kursus Teori Midi dan Sekuan

### KHAIFZA ABDUL HALIM



Lulusan Ijazah muzik dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) dalam bidang vokal. Menjadi ahli keanggotaan sejak tahun 1996. Menjadi juruaiah serta konduktor "Koir Junior". Mempunyai pengalaman dalam bidang vokal di Akademi Seni Kebangsaan dan UiTM.

3

#### TAKAHISA OTA



Berkelulusan dari Waseda Universiti, Jepun dan mendapat Ijazah Kedoktoran dari Universiti Sommerser Belgium. Pernah memenangi hadiah pertama dalam Pertandingan Orkestra Amatir Dunia anjuran Herbe von Karajan. Pemain flute utama bersama Orkestra Simfoni Shin dan beberapa orkestra terkenal di Jepu. Mempelajari latihan kepimpinan Orkestra dari konduktor Jepun, Enck Shigenobu Yamaoka. Merupakan penasarah tamu di Akademi Seni Kebangsaan.

#### MOHD KHAIR ABDUL LATIF



Beliau merupakan pemain gitar dan penggubah muzik yang bertugas di Jabatan Kebudayaan PETRONA. Pernah membuat rakaman muzik dan terlibat dalam program di RTM. Menjadi pemuzik jempuan dalam Persembahan Antarabangsa dan tempatan. Sekarang menjadi penasarah sambilan di International College Of Music (ICOM) dan Akademi Seni Kebangsaan mengajar gitar moden.

#### ZAHID AHMAD



Beliau merupakan seorang pemain drum profesional yang telah mengadakan persembahan diseluruh Malaysia, Indonesia dan Jepun. Pernah mengiringi persembahan rakaman dan live untuk artis dalam dan luar negara antaranya Shiela Majid dan Zainal Abidin. Pada tahun 1990 hingga 1991 beliau dianugerahkan Gold Award dalam kategori persembahan terbaik di Tokyo Music Festival. Kini beliau menjadi tenaga pengajar bagi alat muzik drum di Akademi Seni Kebangsaan

4

#### JAMES P.S BOYLE



Merupakan anak tunggal mendiang Jimmy Boyle iaitu pencipta dan penggubah lagu yang terkenal dengan lagu 'Putera Puteri'. Lulusan Berkeley College of Music, Amerika Syarikat. Berpengalaman sebagai pemuzik di Penang State Symphony Orchestra, International Jazz Band - Asia Beat dan persembahan "Akar Umbu" pada tahun 1993 hingga 1995. Pernah bermain piano di rancangan talk show Metrovision, Lite "n" U (1995). Sebagai Komposer dan penulis lagu di Ambang Klasik TV3 (1997). Sekarang beliau menjadi penasarah piano jazz di Akademi Seni Kebangsaan.

#### LIM HUI CHIEH



Lim Hui Chieh dilahirkan pada tahun 1984 di Sabah. Beliau mula mempelajari Gu Zheng sejak umm enam tahun dengan En. Lim Kah Yu. Beliau juga pernah mempelajari Gu Zheng dengan Enck Chew Ch Huat, Enck Lio Chee Meng, Puan Chew Geok Wah dan sekarang ini masih menuntut bersama Cik Lim F Pei. Pada tahun 1996, beliau telah menyertai "Yang Qin & Gu Zheng Concert" yang dianjurkan oleh Simshen De Classic. Tahun 1997, beliau telah memenangi tempat kedua dalam pertandingan anjuran Sekolah Hua Lian, Taiping. Pada tahun yang sama, beliau telah mendapat grade 6, Central Conservato of Music Beijing, China. Pernah munculi sebagai juara dalam Pertandingan Muzik Daerah Utara Malaysia

5



#### **KUMPULAN BERINGIN**

Beringin ditubuhkan pada awal tahun 2001 dibawah naungan Akademi Seni Kebangsaan (ASK) Penubuhan kumpulan yang terdiri daripada pensyarah dan graduan ASK adalah untuk memartabatkan khazanah muzik tradisional dan etnik kepada bentuk irama yang lebih global. Ianya dikenali sebagai fusion etnik . Mengandung komposisi elemen-elemen tradisional dan etnik melalui gabungan alat muzik tradisional dan etnik versi baru serta perkusi barat.

Terdiri daripada sembilan orang anggota dan Encik Ramlan Mohd Imam, Ketua Program Muzik. ASK merupakan penasihat kepada kumpulan ini. Ahli kumpulan ini terdiri daripada pemuzik profesional data bidang masing-masing. Kumpulan ini juga telah mengadakan persembahan di 5th Rainforest World Music Festival , Kampung Budaya Kuching, Sarawak.

#### **ENSEMBEL GHAZAL ASK**

Ensemble Ghazal ASK adalah terdiri daripada pelajar-pelajar kelas ensemble ghazal dibawah pimpina Encik Fadzil Ahmad, pemain gambus terkenal di Malaysia. Kumpulan ini telah banyak mengadakan persembahan dalam pelbagai aktiviti anjuran ASK.



#### **ORKES SENANDUNG MELAYU**

Terdiri daripada tujuh orang pelajar muzik ASK. Diketuai oleh Encik Rahim Jantan pensyarah Progra Muzik yang mempunyai banyak pengalaman dalam bidang muzik dan nyanyian lagu-lagu asli. Kumpulan ini telah mengadakan persembahan didalam aktiviti anjuran ASK.

6



#### **ORKES KERONCONG CEMPAKASARI**

Orkes Keroncong ini adalah gabungan pelajar-pelajar muzik Akademi Seni Kebangsaan. Kumpulan i pernah mengadakan persembahan di Majlis Konvokesyen ASK pada tahun 2001. Dibawah bimbingan Ketua Program Muzik ASK, Encik Ramlan Mohd. Imam. Seramai 20 orang pelajar dari pelbagai bangsa i telah mempertunjukkan bakat yang hebat dalam muzik keroncong.

#### **KUMPULAN AKSARA**

Kumpulan ini memainkan muzik bercorak eksperimental dan telah ditubuhkan pada bulan Mac 2001 dibawah aktiviti Program Muzik iaitu 3E-Music (Explore, Experiment & Express). Ahli-ahlinya merupakan gabungan pelajar ASK dan individu dari pelbagai institusi. Kumpulan ini dibimbing oleh Encik N Mustapha Nik Salleh dan Encik Isyarn Swardy Daud, pensyarah muzik di ASK.



#### **RED WHITE BUTTON**

Kumpulan yang asalnya dianggotai oleh Anas Salleh, Nor Leyzarn Ali dan Gilbert Jim Lazim. Konsep as adalah rock tetapi telah memperluaskan permainan dalam pelbagai stail kepada elemen Jazz, Funk, Fusi dan sebagainya. Penyertaan anggota baru terdiri daripada Mustakim, Jezzriq Eddie Kismilardy dan Syarizan Sahamat.



7

## JUNIOR IN JAZZ



Bermulanya karier kumpulan ini pada awalnya sebagai pemuzik undangan untuk sesi Proficiency Level Test di ASK. Keckerapan mengadakan persembahan maka timbul rasa minat untuk menubuhkan sebuah kumpulan muzik jazz yang memainkan lagu-lagi "Jazz Klasik" menggunakan gubahan tersendiri. Keprihatinan terhadap ciri persembahan maka lahirlah J.I.J yang memberi erti "Junior in Jazz". Kumpulan ini merupakan pelapis baru dalam muzik jazz. J.I.J pernah diundang untuk bermain di RTM dalam rancangan GETARAN dan pemuzik undangan untuk rancangan SEJAM BERSAMA RUSLAN IMAM.

## KUMPULAN TAK LEMPONG ASK



Kumpulan ini diketuai oleh Encik Rahbini Mutaal yang pernah mengikuti kursus Tak Lempong di Sunaterra pada tahun 1994. Sekarang bertugas sebagai pensyarah di ASK. Kumpulan ini terdiri daripada pelajar ASK yang pernah mengadakan persembahan Tak Lempong dalam aktiviti anjuran ASK dan juga jemputan luar.

## KUMPULAN 3R'S



Terdiri daripada 3 orang ahli iaitu Rohimi Sobeng sebagai penyanyi, Ramlan Mohd. Imam sebagai pemain bass dan Rosdan Abbas sebagai pemain gitar. Mereka merupakan pensyarah di Akademi Seni Kebangsaan

8

## KUMPULAN MONOSOUNDS



Ditubuhkan pada tahun 2002. Dianggotai oleh Ikhwān Omar, Choong Jee Ying, Then Su Chew dan An Salleh Rahbini. Kumpulan ini lebih cenderung kepada muzik bercorak Jazz.

## D' LOCO LOCO



Merupakan kumpulan muzik Pop Komersial. Terdiri daripada pelajar muzik Tahun 2. Mula dikenali sewaktu persembahan pada 31 Ogos 2002 di Port Dickson sempena majlis anjuran Tanco Reso. Kumpulan ini dinasihati oleh Encik Ruslan Mohd Imam pensyarah muzik ASK.

9

Sebuah institusi pengajian tinggi yang ditubuhkan pada 1994 dibawah naungan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Menawar kursus sepenuh masa dan separuh masa peringkat siji dan diploma dalam bidang pengajian Muzik, Tari, Teater, Penulisan dan Sinematografi.

Objektifnya adalah untuk memastikan khazanah seni Malaysia yang kaya dapat disemarakkan kepada generasi muda. Sel dari komitmen ASK kepada kesenian tradisional, ASK ingin menghasilkan golongan karyawan yang berdisiplin, tek beribawa dan berjaya Malaysia. Dengan itu, sistem pendidikan yang unggul ini juga diharapkan ASK akan menjadi sum rujukan kesenian Malaysia di rantau ini dan pusat persembahan kontemporari yang standing dengan pelbagai institusi dunia. Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:-

Akademi Seni Kebangsaan  
Tingkat 33, Empire Tower,  
Jalan Tun Razak,  
50400 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel : 03-2164 9180 Faks : 03-2164 9186

**PROGRAM MUZIK**

Program Muzik mempunyai empat modul: iaitu:-

1. Modul Persembahan  
Ianya dibahagikan kepada Muzik Tradisional Melayu dan Muzik Barat (Klasik, Moden dan Jazz) yang mempunyai aliran iaitu:-
  - 1.1 Aliran Major bagi Muzik Tradisional Melayu
    - i. Instrumental
    - ii. Vokal
  - 1.2 Aliran Major bagi Muzik Klasik Barat
    - i. Instrumental
    - ii. Vokal
    - iii. Kibod
  - 1.3 Aliran Major bagi Muzik Moden dan Jazz
    - i. Instrumental
    - ii. Vokal
    - iii. Kibod
    - iv. Organ
2. Modul Teknologi Instrumental  
(Aliran Major Pembuatan Alat Muzik)  
Modul ini memberi penekanan kepada pemuliharaan dan pembuatan alat pengendangan melayu, alat bertali, a tiupan dan sistem talaan bunyi bagi gong bertombol.  
Modul Muzik Kreatif  
(Aliran Major Gubahan dan Komposisi)  
Modul ini memberi penekanan kepada teknik penulisi skor, rhythm section, analisis skor dan komposisi
3. Modul Teknologi Muzik  
(Aliran Major MIDI Sequencing)  
Modul ini memberi penekanan kepada teori Sistem MI dan Sekuan serta notasi muzik (manual dan komputer). Pelajar didedahkan kepada aspek praktikal dan mengaplikasikan teori bagi meningkatkan explorasi dan kreativiti pelajar.

\*\*\*\*  
semua modul ini dimantapkan dengan kursus-kurs teori, ensemble, bengkel, latihan pendengaran, separa teknik-teknik improvisasi dan komposisi disamping ket individu (one to one) bagi alat muzik utama dan kedua

# Sengharyuan

- Bentley Music Sdn. Bhd.
- Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Pahang
- Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Terengganu
- Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Perak
- Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Kedah
- Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Sembilan
- Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Pulau Pinang
- Pensyarah-pensyarah ASK
- Pelajar-pelajar ASK
- Serta

Individu-individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung

*Terima Kasih*